



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	6/11/2019	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

PASUKAN JHL Sabah menjalankan bedah siasat bangkai gajah Pygmy Borneo selepas ditemui di Sungai Kinabatangan, Ahad lalu.



Kejala, dua kaki dipotong

Bedah siasat temui hanya 30 peratus organ gajah

Oleh Hazyah Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Kinabatangan

Hanya 30 peratus bahagian badan gajah Pygmy Borneo dikenal pasti ketika bedah siasat bangkai haiwan itu ditemui di Sungai Kinabatangan, Ahad lalu.

Sebahagian organ haiwan matang itu tidak ditemui termasuk kepala, bahagian perut serta kedua-dua kaki belakang dan tanpa tapak kakinya.

Pengarah Jabatan Hirdupan Liar (JHL) Sa-

bah, Augustine Tuuga berkata, bedah siasat terhadap gajah itu selesai dijalankan pada petang kelmarin.

Katanya, 30 peratus bahagian badan dibedah siasat adalah bahagian tulang pinggul hingga ekor dan kaki depan kiri serta kanan.

"Tetapi, tapak kaki haiwan itu tiada, disyaki dipotong. Selain itu, ada kulit bahagian belakang gajah terbahit. Manakala, anggota selebihnya tidak ditemui," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Augustine berkata, punca kematian gajah itu masih dalam siasatan.

Terdahulu, bangkai gajah itu ditemui terapung oleh orang awam di kawasan sungai terbahit dan ia penemuan ketiga bangkai gajah tahun ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kinabatangan, Superintendent Dzulbaharin Ismail berkata, tiada bahan metal ditemui pada bangkai gajah terbahit.

"Ya disyaki mati sejak seminggu yang lalu dan ada kesan dipotong pada kaki gajah itu.

"Namun tidak dapat dipastikan ia dipotong sebelum atau selepas kematian gajah terbahit," katanya.

Katanya, siasatan diteruskan mengikut Seksyen 25(1) Enakmen Pmemeliharaan Hirdupan Liar 1997.

